



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**SEMPENA**  
**PROGRAM KEBAJIKAN SUMBANGAN RAMADAN 2021**  
**MAJLIS DATUK-DATUK NEGERI MELAKA (MDDNM)**

**TARIKH: 11 APRIL 2021 (AHAD) , MASA: 8.00 MALAM**  
**DI DEWAN SERI BENDAHARA**

---

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

Salam Sejahtera, dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih, Saudara Pengacara Majlis, Encik Mohd Muhaimin bin Amran.

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil,  
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Datuk Wira Jahaya bin Mat,  
Presiden Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Datuk Shamsul Ambia bin Abdul Aziz  
Pegawai Daerah Melaka Tengah;

Yang Berbahagia Datuk Anis Binti Ali Hassan  
Pegawai Daerah Jasin;

Yang Berusaha Tuan Rahizi Bin Ranom  
Pegawai Daerah Alor Gajah;

Barisan Ahli Jawatankuasa Majlis Datuk-Datuk Negeri  
Melaka Tahun 2021; dan

Penghulu-penghulu yang saya hormati sekalian.  
Datuk Seri, Datuk Wira, Datuk-datuk, Tuan-tuan dan  
Puan-puan sekalian,

## **MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana pada hari ini, kita diberi kelapangan waktu untuk bersama-sama dalam Program Kebajikan Sumbangan Ramadan Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka (MDDNM).
2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur dan semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung, dalam menjayakan majlis yang cukup bermakna ini.

Datuk Seri, Datuk Wira, Datuk-datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan;

## **PROGRAM KEBAJIKAN SUMBANGAN**

3. Kita semua sedia maklum bahawa bulan Ramadan bakal menjelang, in shaa Allah hampir 2 hari lagi. Saya pasti, semuanya sedang sibuk membuat persediaan untuk menyambut bulan yang mulia, penuh barakah, bulan yang menjadi rebutan buat semua untuk membuat kebajikan kepada para insan yang memerlukan atau lebih kita kenali sebagai golongan asnaf.
4. Justeru, Badan-badan Bukan Kerajaan ataupun NGO merupakan tonggak yang sangat penting dalam bersinergi dengan pihak Kerajaan untuk membantu golongan ini agar turut merasai suasana sebenar bulan Ramadan. Bak kata pepatah, hati gajah sama

dilapah, hati nyamuk sama dicicah, bulat air kerana pemetung, bulat masyarakat kerana muafakat.

5. Saya yakin Badan-badan Bukan Kerajaan ini khususnya Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka mempunyai pelbagai inisiatif dalam membantu golongan asnaf. Program ini juga merupakan satu program yang sangat berkesan dalam usaha kita cuba mendekati rakyat dari pelbagai lapisan.
6. Apatah lagi, dunia hari ini sehingga sekarang masih tidak menemui noktah berakhirnya pandemik COVID-19 ini. Pandemik ini telah memberi impak yang sangat besar terhadap kehidupan seharian dan sektor ekonomi. Saya akui, disebabkan pandemik ini, ramai yang turut terkesan telah terjejas sehingga hilang punca pendapatan seperti diberhentikan kerja, penyusutan dalam bidang perniagaan, dan sebagainya.
7. Golongan inilah yang sewajarnya kita berikan perhatian serta bantuan. Sehubungan itu, Terima kasih yang tidak terhingga kepada Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka kerana telah bergerak secara proaktif untuk memberikan sumbangan bulan Ramadan kepada golongan asnaf ini. Kita tidaklah dapat menyelesaikan masalah mereka namun sekurang-kurangnya kita telah meringankan sedikit beban mereka ketika menjalani ibadah puasa.

Datuk Seri, Datuk Wira, Datuk-datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian;

8. Kerajaan Negeri Melaka sangat prihatin dan cakna dengan kebajikan rakyat Negeri Melaka. Namun, usaha kami tidak akan berjaya tanpa sokongan dan komitmen daripada semua pihak terutamanya Badan-badan Bukan Kerajaan. Umpama bukit sama didaki, lurah sama dituruni, kita sama-sama memacu ke arah kesejahteraan rakyat Negeri Melaka. Gandingan Kerajaan Negeri Melaka dan Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka ini diharapkan tidak terhenti setakat di sini sahaja, sebaliknya akan berkesinambungan sehinggalah Negeri Melaka akan gah di mata dunia.
9. Saya difahamkan, pelbagai aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah dijalankan oleh Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka semenjak penubuhannya dan usaha murni ini masih diteruskan sehingga kini. Saya berharap, Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka sentiasa bergerak ke hadapan sejajar dengan slogan baharu Negeri Melaka iaitu 'Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia' .
10. Saya turut dimaklumkan bahawa seramai **660** penerima sumbangan akan disampaikan kali ini. Tambahan lagi, para Pegawai Daerah dan Penghulu akan diberikan tanggungjawab untuk menyerahkan sumbangan ini kepada golongan asnaf. Lantaran itu, saya sangat mengharapkan agar amanah yang kalian galas dapat disempurnakan dengan baik dan penuh intergriti. Saya tidak mahu golongan asnaf yang tercicir dalam senarai penerima sumbangan tersebut.
11. Selain itu, saya ingin mengingatkan kepada setiap pegawai atau penghulu yang terlibat dalam

penyerahan sumbangan ini, agar sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Ingat, sentiasalah menggunakan pelitup muka (*face mask*), mencuci tangan atau memakai cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) dengan kerap untuk mengelakkan penularan virus ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

### **PENUTUP**

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka yang sentiasa memberikan komitmen yang terbaik dalam memastikan kesejahteraan dan kemakmuran Negeri Melaka.
13. Akhir kata, dengan lafaz kalimah suci, Bismillahirrahmanirrahim, sukacita saya merasmikan Program Kebajikan Sumbangan Ramadan Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.